



Anwar menunjukkan senarai Jemaah Menteri pada sidang media Pengumuman Kabinet Kerajaan Perpaduan di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, malam tadi.

(Foto BERNAMA)

Anwar umum 2 TPM, 28 menteri

BH- 3/12/2022 ml: 3

Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Sumpah Simpan Rahsia jam 3 petang ini

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengumumkan Kabinet Kerajaan Perpaduan membariskan 28 menteri, selain turut menampilkan dua Timbalan Perdana Menteri.

Dua kementerian pentadbiran terdahulu digabung menjadi satu manakala portfolio menteri tugas-tugas khas dimansuhkan.

Dalam usaha mengecilkan saiz Kabinet pentadbirannya, Anwar

mengetuai Kementerian Kewangan manakala Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Naib Presiden Kanan Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB), Datuk Seri Fadillah Yusof masing-masing dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Ahmad Zahid turut dilantik Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah manakala Fadillah bertanggungjawab atas Kementerian Perlindungan dan Komoditi.

Timbalan Presiden PKR, Rafizi Ramli, dinamakan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi).

Perdana Menteri melantik empat senator bagi membolehkan mereka menerajui kementerian iaitu Ketua Hakim Syarie, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar sebagai Menteri Agama, manakala bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz menjadi Menteri Perdagangan Anta-

rabangsa dan Industri.

Dua lagi ialah Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang akan menerajui Kementerian Dalam Negeri dan Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Zambry Abdul Kadir sebagai Menteri Luar.

Lantik penasihat kewangan

Pada sidang medianya, Anwar memaklumkan turut melantik beberapa penasihat diketuai Penasihat PETRONAS, Tan Sri Mohd Hassan Marican untuk membantu kerajaan dalam urusan kewangan.

"Jemaah Menteri ini adalah jemaah Kerajaan Perpaduan. Beberapa prinsip diguna pakai dengan kekuatan induk adalah Pakatan Harapan (PH) yang dapat jumlah undi terbanyak dan ahli parlimen terbesar.

"Ia diikuti dengan BN dan Gabungan Parti Sarawak (GPS),"

katanya ketika mengumumkan Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan di Bangunan Perdana Putra, di sini, malam tadi.

Perdana Menteri berkata, senarai Timbalan Menteri akan diumumkan kemudian.

Beliau berkata, Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Sumpah Simpan Rahsia akan berlangsung pada jam 3 petang ini.

Anwar juga akan mengadakan pertemuan khas dengan semua menteri terbahit untuk memaklumkan mengenai beberapa peraturan dan hala tuju serta kaedah baharu yang akan diperkenalkan bagi pemusatan usaha dalam tugas masing-masing.

"Ini bagi membolehkan semua anggota Jemaah Menterinya menjalankan kerja dan mengelakkan segala kecurigaan mengenai pembaziran, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Saya tetapkan Jemaah Menteri Kerajaan Perpaduan untuk

mengutamakan tatakelola dan tadbir urus baik," katanya.

Anwar, 75, mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri ke-10 di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada Khamis minggu lalu, hampir seminggu selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) menyaksikan tiada mana-mana parti politik mahupun gabungan berjaya memperoleh jumlah kerusi mencukupi untuk membentuk Kerajaan.

Istiadat angkat sumpah berkenaan diadakan selepas Seri Paduka memperhalusi titah pandangan Raja-Raja Melayu yang berkenan berangkat menghadiri Perbincangan Khas Raja-Raja Melayu di Istana Negara pagi tadi bagi membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan dan kesejahteraan negara serta rakyat, lima hari selepas keputusan rasmi PRU15.